

Jiwa merdeka jadikan rakyat lebih berdaya tahan hadapi cabaran

Tema sambutan Hari Kebangsaan kali ini amat bermakna sekali iaitu 'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka'. Tema itu menjelaskan jiwa yang merdeka akan menjadikan kita lebih

kuat dan berdaya tahan dalam menghadapi segala cabaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang di Cyberjaya pada 21 Julai lalu turut menyeru semua pihak, termasuk sektor awam dan swasta mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan.

Mengibarkan Jalur Gemilang dan jiwa merdeka sebenarnya sangat dekat. Justeru, seluruh rakyat harus menyahut seruan ini kerana tanpa kibaran Jalur Gemilang yang meriah di seluruh tanah air, maka sambutan Bulan Kebangsaan menjadi hambar.

Oleh itu, seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum harus terbahit dalam program sambutan Hari Kebangsaan yang dianjurkan. Selain organisasi kerajaan, inisiatif komuniti dan pihak swasta juga sangat penting dalam menjaya dan memeriahkan sambutan Bulan Kebangsaan. Pembabitan pelbagai pihak melambangkan rasa kesepunyaan, kebersamaan dan kesepaduan serta semangat patriotisme yang tinggi.

Tema sambutan tahun ini juga harus dijadikan landasan kesedaran bahawa setiap rakyat Malaysia bebas melakukan aktiviti kehidupan dengan penuh harmoni dan sejahtera dalam negara yang merdeka dan berdaulat. Kemerdekaan jiwa rakyat ini tidak sepatutnya diganggu gugat oleh sesiapa pun.

Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi-negara menjamin hak kebebasan bersuara, berpersatuan dan melakukan aktiviti yang tidak bercanggah dengan undang-undang.

Semua elemen kenegaraan ini melambangkan kita hidup dalam keadaan jiwa merdeka.

Wujudkan masyarakat dinamik, progresif

Hakikatnya, tema sambutan hari kebangsaan ini harus benar-benar mencerminkan roh kemerdekaan, kebebasan dan kemanusiaan seluruh rakyat. Tema ini mampu mewujudkan masyarakat dinamik dan progresif jiwa dan pemikirannya.

Namun lebih penting, pemimpin jangan hanya pandai bercakap dan mencipta slogan muluk, tetapi dalam mempertahankan kuasa, bersikap menekan sehingga boleh membangkitkan semangat membe-rontak rakyat terhadap kerajaan.

Justeru, tema 'Jiwa Merdeka' bukan sahaja harus difahami rakyat, tetapi juga oleh pemerintah supaya suara, pandangan dan kritikan rakyat jangan disekat dan ditekan sehingga makna jiwa merdeka terasa hambar.

Kemerdekaan jiwa tidak harus membawa kita

bebas berbuat dan bersuara apa sahaja tanpa had sehingga mencetuskan anarkisme kepada negara.

Dalam kebebasan bersuara kita mesti memelihara nilai toleransi, persefahaman dan kepersepakatan yang merupakan nilai kenegaraan yang membentuk satu bangsa Malaysia bersatu padu dan berkeperibadian tinggi. Jiwa merdeka juga seharusnya dijadikan pendorong kepada usaha meneruskan agenda pembangunan, terutama dalam melonjakkan daya saing negara di pentas global.

Pendek kata untuk menjadikan kemerdekaan lebih bermakna kita perlu berusaha lebih gigih bagi menggerakkan dan melonjak perubahan serta kemajuan negara dalam semua sektor sama ada bersifat pembangunan ekonomi mahupun kerohanian.

Pencapaian seimbang bagi kedua-dua aspek ini penting sebagai indeks atau petunjuk kita benar-benar merdeka dari segi fizikal, minda dan spiritual.

Dalam konteks etos kerja, pengertian jiwa merdeka harus dilandasi nilai dinamik supaya dapat menghalia kepada semangat kerja yang tinggi. Kerja bukan semata-mata untuk diri, tetapi juga bagi negara atas semangat patriotisme. Nilai utama seperti ketekunan, kesungguhan, ketelitian, kerapian, kecekapan dan bekerja dengan penuh integriti perlu disuburkan dalam jiwa yang merdeka.

Etos kerja ini harus disubur dan dijiwai supaya menjadi pemangkin ke arah lonjakan berganda kemajuan. Inilah semangat yang mesti digarap dalam menghayati sambutan Hari Kebangsaan.

Kesimpulan, sambutan Hari Kebangsaan bukan sekadar mengimbau perjalanan sejarah kemerdekaan negara, sebaliknya perlu dilihat dari sudut pengisian kemerdekaan secara berte-rusan dalam kerangka acuan kita sendiri dengan semangat patriotisme tinggi.

